

Kertas Bil. 27/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGKAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN KUMPULAN SEMESTA SDN**

BHD (KSSB)

KERTAS BILANGAN 41/2014

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
6	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)	1. Kerajaan Negeri harus sinergikan dua pendekatan jangka pendek dan panjang iaitu pertama meningkatkan penguatkuasaan terhadap pasir daripada negeri jiran supaya dapat meningkatkan hasil kutipan royalti dan kedua memanjangkan tempoh hayat rizab pasir di kawasan stockpile yang lama dan baru seperti lombong HORAS (<i>Hybrid Off River Augmentation System</i>) di Bestari Jaya.			Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah memulakan kerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian Perak (PTGP) dalam aspek pengawalan dan penguatkuasaan terhadap kemasukan pasir dari negeri Perak ke Selangor. Kerjasama yang serupa akan diperluaskan dengan negeri-negeri yang bersempadanan dengan Selangor seperti Pahang dan Negeri Sembilan. KSSB juga telah bekerjasama dengan PTGS dalam isu ini. Selain daripada itu, untuk menangani isu pasir yang dibawa masuk dari negeri-negeri berjiranan, Kerajaan Negeri melalui PTGS telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah PTGS Bil 02/2014 yang mana lainya memberikan tanggungjawab kepada KSSB untuk menguruskan pemindahan longgokan pasir transit (Stockpile) yang diimport dari negeri berjiranan yang dilonggokan dalam Negeri Selangor untuk jualan semula kepada pihak ketiga. Lanya berkuatkuasa mulai 1^{hb} Oktober 2014. Bagi cadangan untuk memanjangkan jangka hayat rizab pasir di negeri Selangor, KSSB dengan kerjasama PTGS disarankan untuk mempunyai <i>Land Bank Data</i> bagi merangka perancangan jangka masa panjang khusus untuk perlombongan dan pengeluaran pasir di negeri Selangor. Perancangan ini dapat memberikan anggaran kutipan hasil royalti kepada Kerajaan Negeri dan juga bagi keperluan permintaan pasir di Lembah Klang.

2

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		2. Kerajaan Negeri harus menetapkan kadar dividen yang dibayar oleh KSSB setiap tahun supaya KSSB boleh menggunakan hasil pendapatan yang selebihnya untuk pelaburan korporat.			Pada awal 2015, MBI sebagai pemegang saham tunggal KSSB telah menetapkan kadar dividen sebanyak 60% dari keuntungan selepas cukai dan zakat. Namun, sekiranya terdapat keperluan dan permintaan dari MBI atau Kerajaan Negeri, dividen yang lebih dari kadar tersebut boleh dibayar. KSSB bercadang untuk menggunakan sebahagian dari keuntungan terkumpul bagi memperolehi tanah-tanah yang berpotensi untuk perlombongan pasir dan mineral serta bahan batuan lain yang akan memberikan pulangan yang lebih. Ianya juga akan mengurangkan kebergantungan KSSB kepada tanah-tanah kerajaan serta anak syarikat untuk menjalankan aktiviti perniagaannya. Ianya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan dari Lembaga Pengarah, MBI serta Kerajaan Negeri.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		3. Kerajaan Negeri harus bersepadu dengan negeri jiran yang lain untuk menubuhkan satu pasukan khas PTG yang bertanggungjawab memantau pencurian pasir dan lombong pasir haram yang tegar.			PTGS telah merangka satu <i>Standard Operation Procedure</i> (SOP) bagi tujuan tindakan bersepadu bersama-sama agensi-agensi Negeri untuk memantau dan membantaras kes-kes kecurian pasir di negeri Selangor. Langkah ini dibuat bagi melicinkan tindakan penguatkuasaan antara setiap agensi dan juga untuk berkongsi maklumat sekiranya berlaku kes-kes kecurian pasir haram ini. Taskforce Pasir Kebangsaan di bawah kelolaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang dianggotai oleh PTG semua negeri termasuk PTGS mempunyai persefahaman untuk menangani isu kecurian pasir secara bersama dan bersepadu dengan kerjasama badan-badan penguatkuasaan lain yang berkaitan. KSSB pula dari semasa ke semasa akan melaporkan kepada PTGS dan PDT berkenaan lokasi-lokasi kecurian pasir di Selangor untuk tindakan penguatkuasaan.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		4. Kerajaan Negeri harus memastikan operasi pasir KSSB disepadukan dengan operasi bahan batuan lain seperti pengkuarian.			Pihak MBI sedang meneliti rancangan pemusatan aktiviti-aktiviti anak syarikatnya mengikut sektor industri teras. Sektor perlombongan dan perkuarian adalah antara salah satu sektor tersebut. Apabila rancangan pemusatan aktiviti ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri, KSSB bersedia untuk mengembangkan perniagaannya dalam industri yang berkaitan dengan pelbagai sumber alam seperti bakau dan hasil hutan serta mineral dan bahan batuan demi kesinambungan perniagaan dan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.